

Syarikat perniagaan makanan sejuk beku curi air

Seremban: Sebuah syarikat perniagaan makanan sejuk beku di Nilai dikenakan hukuman denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen Seremban di sini, semalam atas kesalahan mencuri air milik Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains), Jun tahun lalu.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Sains, Norzita Ismail berkata, Hakim Diana Md Razali menjatuhkan hukuman itu selepas Pengarah syarikat mewakili premis berkenaan mengaku bersalah terhadap pertuduhan dibacakan.

“Berdasarkan fakta kes, serbuan dilaksanakan Sains pada 23 Jun 2021 di Lot 2128, Jalan TS 2/8A, Kawasan Perindustrian

Ringan, Taman Semarak Fasa 2, Nilai.

“Hasil serbuan mendapati penghuni premis membuat penyambungan semula tanpa kebenaran pada te-tiang meter menggunakan *tee-off Galvanized Iron* berdiameter 20 milimeter (mm) dan paip mudah lentur berdiameter 15 mm.

“Bekalan air disalurkan kepada premis untuk kegunaan aktiviti perniagaan. Meter air premis itu dipotong Sains pada tarikh 8 Februari 2021 berikutan tunggakan tidak dijelaskan,” katanya.

Beliau berkata, kes diambil tindakan mengikut Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 65) dan denda diperun-

tukkan RM50,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

“Bagi pertuduhan itu, hakim mengenakan hukuman denda RM10,000,” katanya.

Norzita berkata, pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Span), Shariful Azman Mustapa Yahya.

Katanya, tertuduh membayar denda dikenakan pada hari sama.

“Sains mengingatkan pelanggan tidak terbabit dalam sebarang kegiatan curi air yang merugikan diri pada masa akan datang. Sains terus mempertingkatkan pemantauan serta penguatkuasaan terhadap kegiatan curi air di seluruh Negeri Sembilan melibatkan pengguna komersial dan domestik,” katanya.



SAMBUNGAN haram dibuat sebuah syarikat di Nilai yang mencuri air.

Meter air premis dipotong Sains pada 8 Februari 2021 berikutan gagal bayar tunggakan